

12/07/2001

Sistem demokrasi Malaysia diterima majoriti rakyat

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Rabu - Malaysia berjaya membuktikan kepada dunia bahawa sistem demokrasi yang diamalkan adalah satu sistem yang dapat diterima majoriti penduduk negara ini, kata Setiausaha Agung Komanwel, Don McKinnon.

Beliau berkata, kejayaan itu dapat dilihat dengan keberkesanan cara kerajaan Malaysia menangani kegawatan ekonomi yang melanda rantau Asia Pasifik tiga tahun lalu.

"Jika kita lihat krisis ekonomi yang melanda Malaysia beberapa tahun lalu, institusi ekonomi negara ini masih tetap dapat bertahan dengan baik. Ini adalah satu ujian bagi mana-mana sistem demokrasi," katanya dalam satu pertemuan dengan Berita Harian, di sini hari ini.

McKinnon tiba di sini semalam untuk lawatan dua harinya ke Malaysia. Beliau turut membuat kunjungan hormat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, petang ini.

Siri lawatannya ke Singapura, Malaysia dan Brunei adalah sebahagian daripada rundingan McKinnon dalam persediaan menghadapi Persidangan Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) yang akan diadakan di Brisbane, Australia, Oktober ini.

Bekas Menteri Luar New Zealand itu berkata, perkembangan demokrasi di negara ini dapat dilihat sebagai sesuatu yang kian berkembang secara positif.

Bagaimanapun, katanya, terpulang kepada 22 juta rakyat Malaysia untuk menaruh keyakinan dan kepercayaan mereka kepada sistem itu supaya segala kemelut politik yang dilalui Malaysia dapat ditangani.

Ditanya sama ada sistem demokrasi Malaysia adalah setaraf dengan 54 negara Komanwel lain, McKinnon berkata:

"Saya tidak akan membuat sebarang ukuran kepada perkara ini kerana tidak mahu misi saya ke sini dikritik, tetapi apa yang penting seluruh rakyat Malaysia yakin dengan sistem negara kerana apa yang saya lihat, anda juga mempunyai sistem pilihan raya yang baik dan ini adalah satu simbol demokrasi."

Mengenai kritikan negara-negara Barat kepada rantau Asia terutama Malaysia dalam isu demokrasi dan hak asasi manusia, beliau mengakui ada beberapa orang tertentu yang sering mengkritik Malaysia, tetapi percaya setiap negara mempunyai perbezaan dari segi perkembangan institusi demokrasinya.

"Saya percaya kita semua mempunyai perbezaan dari segi membangunkan institusi demokrasi masing-masing," katanya.

Menjawab soalan lain mengenai pendirian Komanwel terhadap penggunaan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), McKinnon berkata Komanwel tidak mempunyai sebarang pendirian mengenai undang-undang tertentu yang diamalkan negara anggotanya.

"Memang dari semasa ke semasa, mana-mana isu yang dibawa kepada kita akan mendapat reaksi dan ada masanya, kita minta kerajaan berkaitan untuk memberi reaksi mereka," katanya.

(END)